



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR  
Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION  
JANUARY 2014 SESSION**

---

**SUBJECT CODE** : MPW 2153  
**SUBJECT TITLE** : PENDIDIKAN MORAL  
**LEVEL** : BACHELOR  
**TIME / DURATION** : 9.00 am – 11.00 am  
( 2 HOURS )  
**DATE** : 04 JUNE 2014

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and two (2) questions only in Section B. For Section C, answer two (2) question only.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

---

**THERE ARE 9 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.**

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN:** Jawab SEMUA soalan dengan memilih jawapan yang tepat.**Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Pernyataan yang manakah berikut ini pernyataan deontik?
    - A. Ayah Ahmad pemurah orangnya.
    - B. Ali seorang yang rajin.
    - C. Perbuatannya itu keterlaluan!
    - D. Awak seorang yang pengecut!
  
  2. "Novel ini sangat baik untuk dibaca." Pernyataan ini merupakan pernyataan
    - A. pernyataan deontik
    - B. pernyataan aretaik
    - C. pernyataan normatif non-moral
    - D. pernyataan deskriptif
  
  3. Antara fungsi nilai moral ialah
    - I Sebagai piawaian atau pengukur
    - II Sebagai rujukan atau panduan
    - III Membataskan tingkah-laku atau tindakan seseorang atau masyarakat
    - IV Pencetus idea-idea moral

A. I, II dan III	C. I, III dan IV
B. II, III dan IV	D. I, II dan IV
  
  4. "Untuk Ahmad meneruskan hasratnya mendirikan sebuah pusat pemeliharaan ayam daging di dalam kawasan tanahnya, dia perlu mendapatkan pandangan dan apakah peraturan masyarakat kampungnya dalam hal sedemikian."
- Keputusan yang dibuat oleh Ahmad dalam situasi di atas berdasarkan pendekatan
- |                             |                           |
|-----------------------------|---------------------------|
| A. Teori Keperibadian Mulia | C. Teori Deontologi       |
| B. Teori Teleologikal       | D. Teori Kemoralan Sosial |

5. Yang manakah berikut ini menjelaskan Teori Keperibadian Mulia?
- A. Doktor Omar tahu pesakitnya tidak mampu menjelaskan bayaran bagi rawatan yang diterimanya. Namun dia tetap merawatnya kerana sifat membantu orang lain itu telah lama sebatи dalam hidupnya.
  - B. Tanah orang-orang kampung itu terpaksa juga diambil sekalipun menimbulkan kemarahan mereka kerana lebuh raya yang akan dibina itu akan memberi manfaat kepada rakyat jelata keseluruhnya.
  - C. Demi semangat setia kawan, mereka terus berkubu mempertahankan kampung mereka daripada serangan musuh yang tidak henti-henti.
  - D. Meskipun keluarga itu amat memerlukan bantuan, namun bantuan itu haruslah diperoleh melalui saluran yang betul.
6. Dalam teori Utilitarianisme, ukuran bermoral tidaknya sesuatu tindakan itu diukur berdasarkan
- A. kepatuhan kepada peraturan sosial.
  - B. faedah yang dikecapi oleh golongan majoriti.
  - C. Tiada tujuan lain selain daripada tanggungjawab semata-mata.
  - D. Faedah daripada tindakan itu dikecapi oleh individu tertentu.
7. Bagaimanakah sifat egoisme yang dimiliki oleh seseorang boleh dianggap baik daripada kaca mata moral?
- A. Mementingkan diri itu sememangnya satu sifat bermoral.
  - B. Sifat egoisme boleh mendatangkan keuntungan dan kebaikan kepada seseorang dan kerana itu ia bermoral.
  - C. Sifat ingin memuaskan hati atau ingin mendatangkan keuntungan kepada diri sendiri selalunya akan juga mendatangkan kebaikan dan keuntungan kepada orang lain juga.
  - D. Sifat egoisme memang semulajadi ada dalam diri semua orang dan kerana itu ia sesuatu yang bermoral.

8. Tindakan yang manakah berikut ini boleh dihubungkan dengan teori Teleologi Utilitarianisme?
- A. Asmah terpaksa akur dengan keputusan keluarganya kerana keputusan itu dibuat berdasarkan adat masyarakatnya.
  - B. Tindakannya menyertai perkumpulan kebajikan itu didorong oleh minat yang sememangnya menjadi darah dagingnya.
  - C. Baginya, tindakannya menggalakkan anaknya membuat kerja-kerja amal bertujuan untuk memupuk sikap suka membantu orang dalam jiwa anaknya.
  - D. Tindakan Jabatan Pertanian negeri itu menghapuskan ternakan ayam itik semua penduduk kampung itu adalah untuk menghalang merebaknya virus selsema burung yang mula melanda negeri mereka.
9. "Bagi Ramanathan, bukan sahaja perlu ada keikhlasan dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang pendidik, bahkan juga perlulah menjalankan profesionnya dengan mengikuti peraturan yang telah dipelajarinya."
- Kenyataan ini menjelaskan teori
- A. Deontologi
  - B. Eksistensialisme
  - C. Teleologi
  - D. Keperibadian mulia
10. "Bagi John dan Marry hubungan seks yang sering mereka lakukan tanpa ikatan perkahwinan merupakan perbuatan bermoral memandangkan cara hidup sedemikian adalah atas kehendak dan kerelaan mereka."
- Prinsip hidup yang diguna pakai oleh kedua-dua manusia ini berlandaskan
- A. Teori Teleologi
  - B. Teori Kant
  - C. Teori Kemoralan Sosial
  - D. Teori Eksistensialisme

11. Dalam Islam, manusia terbentuk daripada roh dan jasad. Jasad mempunyai keperluannya tersendiri iaitu, udara, air, makanan, hubungan seks dan sebagainya. Roh pula memerlukan
- amalan-amalan kebaikan yang akan membawa kepada kehidupan bermoral
  - jasad
  - Hadis dan Al-qur'an
  - Tiada memerlukan apa-apa.
12. Tiga perkara yang mempengaruhi perkembangan manusia ialah
- Akhhlak, aqidah dan ibadah.
  - Al-Qur'an, hadith dan pemikiran ulamak.
  - Faktor semulajadi iaitu perwatakannya, faktor persekitaran dan keupayaan manusia.
  - Amalannya, kehidupannya dan kematiannya.
13. Yang manakah berikut ini bukan larangan yang termasuk dalam Sepuluh Rukun yang terkandung dalam Perjanjian Lama?
- Jangan anda menjadi saksi palsu.
  - Jangan anda mencuri.
  - Jangan anda berzina.
  - Jangan anda pecah amanah.
14. Tiga aspek yang menjadi tumpuan dalam membangunkan wawasan melalui proses tafakur demi mencapai ketenangan yang ditemui oleh Siddhahartha pengasas agama Buddha ialah
- tiada yang bersifat kekal
  - konsep kelahiran semula
  - penderitaan
  - sifat tanpa ego
- |                  |                   |
|------------------|-------------------|
| A. I, II dan III | C. II, III dan IV |
| B. I, III dan IV | D. I, II dan IV   |
15. Matlamat hidup bagi penganut-penganut agama Hindu untuk menyatukan diri "Athman" dengan "Brahman". Cara untuk mencapai hasrat ini ialah dengan mensucikan diri dengan amalan-amalan agama. Proses ini dikenali sebagai
- |                 |          |
|-----------------|----------|
| A. Nirvana      | C. Karma |
| B. Athmansiddhi | D. Siva  |

16. Manusia moral menyandarkan tindak-tanduknya kepada
- I. peraturan moral.
  - II. situasi
  - III. prinsip moral
  - IV. rasional
- A. I, II dan III
  - B. II dan IV
  - C. I dan III
  - D. II, III dan IV
17. Tiga dimensi yang menjadi ciri manusia moral ialah
- A. pemikiran, perasaan dan tindakan.
  - B. wajah, pemikiran dan perasaan.
  - C. moral, perasaan dan tindakan.
  - D. rasional, pemikiran dan kelakuan.
18. "Dia sedar bahawa dia perlu menjadi anak yang baik dengan tidak menghampaskan harapan ibunya. Namun dalam masa yang sama dia ingin benar meneruskan citacitanya melibatkan diri dalam seni."
- Pertentangan konflik yang berlaku dalam situasi di atas ialah
- A. antara deontologi dan egoisme
  - B. antara utilitarianisme dan deontologi
  - C. antara kemoralan sosial dan keperibadian mulia
  - D. antara egoisme dan kemoralan sosial.
19. Golongan tua, cacat dan kanak-kanak merupakan golongan-golongan yang paling tidak produktif dari segi ekonomi. Mereka ini tidak dapat memberi sumbangan yang banyak kepada pengeluaran negara atau menyumbang tenaga kepada negara. Malah golongan-golongan ini memerlukan kos yang sangat tinggi khususnya untuk tujuan perubatan dan pemulihan atau pendidikan. Namun amat tidak adil jika mereka ini dirampas hak-hak mereka sebagai anggota masyarakat. Dalam situasi sedemikian ini, apakah bentuk konflik yang ingin dipaparkan?
- A. Konflik antara teori-teori moral
  - B. Konflik antara keadilan sosial dengan Utilitarianisme
  - C. Konflik antara kebenaran
  - D. Konflik antara golongan produktif dengan golongan tidak produktif

20. Anda berhadapan dengan satu konflik. Anda disarankan untuk
- I memilih yang manakah yang lebih penting,
  - II yang manakah lebih utama,
  - III yang manakah yang patut didahulukan, atau,  
yang manakah yang lebih bernilai.
  - IV Kaedah penyelesaian yang disarankan ini merupakan kaedah
- |             |                 |
|-------------|-----------------|
| A. Analisis | C. Hiraki       |
| B. Kognitif | D. Tolak Ansur. |

**BAHAGIAN (B). (40 Markah)**

**Jawab DUA (2) soalan daripada bahagian ini dengan menggunakan pendekatan moral.**

1. Seorang majikan sedang berhadapan dengan beberapa tuntutan daripada pekerja-pekerjanya. Antaranya ialah:
  - I. Ada yang memohon untuk dikurangkan bilangan hari bekerja daripada 6 hari kepada 5 hari bekerja. Alasannya ialah 2 hari rehat itu akan memulihkan tenaga mereka dan akan meningkatkan prestasi mereka untuk bekerja pada minggu berikutnya.
  - II. Ada pula yang memohon kenaikan gaji kerana tangga gaji yang diberi tidak lagi sesuai dengan kos kehidupan pada masa kini.
  - III. Dalam pada itu, ada sebahagian daripada pekerjanya yang terpaksa di berhentikan kerana syarikatnya sedang berhadapan dengan masalah kewangan akibat daripada kemelesetan ekonomi. Pekerja-pekerja yang terbabit juga telah merayu supaya mereka tidak dibuang kerja.

Jika anda berada dalam kedudukan majikan ini, bagaimanakah harus anda menyelesaikan masalah tuntutan-tuntutan ini?

(20 markah)

2. Yusri ialah seorang lulusan kejuruteraan petrolium. Dia amat berminat untuk bekerja di sebuah syarikat mencari gali minyak khususnya dengan mana-mana syarikat antarabangsa. Walau bagaimanapun, setelah puas memohon kerja di pelbagai syarikat petrolium antarabangsa tidak ada satu pun yang menyawarkan pekerjaan kepadanya. Dalam pada itu, dia telah mendapat tawaran dari sebuah syarikat pengeluar makanan berhasiat sebagai pengurus pemasaran. Gaji yang ditawarkan amat lumayan iaitu sebanyak lima ribu ringgit sebulan. Oleh sebab tidak mahu terus menganggur, Yusri telah menerima tawaran tersebut. Selang beberapa bulan selepas itu, dia telah mendapat tawaran untuk bekerja di sebuah syarikat petrolium yang berpengkalan di Iraq. Gaji yang ditawarkan jauh lebih lumayan daripada yang diperolehinya sekarang. Bagaimanapun, suasana di Iraq amat tidak menentu. Sesiapa yang bertugas di sana menanggung risiko yang tinggi.

Sebagai pelajar moral, apakah nasihat yang dapat anda berikan kepada Yusri bagi menyelesaikan dilema yang sedang dihadapinya.

(20 markah)

3. Serah sudah berkeluarga. Suaminya John ialah seorang yang penyayang dan mengambil berat terhadap keluarganya. Serah mempunyai tiga orang anak yang comel, lincah, sihat dan manja. Ketiga-tiganya amat disayanginya. Namun, dalam keadaan yang sedemikian baik, Serah telah jatuh cinta dengan Frank, seorang hartawan yang kacak dan baik budi pekertinya. Frank seorang yang pemurah, bertimbang rasa dan suka mengambil berat terhadap Serah. Ini membuatkan Serah terpikat kepadanya. Kebetulan kegemaran Serah sama dengan apa yang disukai oleh Frank iaitu bermain saham. Dibelenggu dengan situasi ini, Serah akhirnya sedar bahawa dia terpaksa membuat keputusan dan keputusan yang bijak dan bermoral. Jika ikutkan perasaannya, mahu sahaja Serah meninggalkan John dan anak-anaknya untuk bersama Frank kekasihnya. Namun, bagaimana dapat dia menahan perasaan melihat anak-anaknya yang sangat disayanginya itu bersedih dan terluka atas perbuatannya itu. Bagaimana pula dengan John yang tidak pernah melakukan sebarang kesalahan terhadapnya ditinggalkan tanpa sebab yang munasabah. Namun, jika dia kembali kepada keluarganya, tentunya keluarganya akan terus bahagia tetapi dia akan kecewa dan demikian halnya dengan Frank kekasihnya juga akan terluka.

Bincangkan mengenai pertentangan nilai-nilai moral yang terkandung dalam konflik di atas.

(20 Markah)

**BAHAGIAN (C). (40 Markah)**

**Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian ini. Jawapan hendaklah dalam bentuk essei.**

1. Penebangan hutan dan penarahan bukit-bukau terpaksa dilakukan bagi memberi laluan kepada pembangunan. Kesannya berlakulah hakisan tanah, pencemaran air dan memberi kesan kepada imbalan gas dalam atmosfera bumi. Bincangkan isu ini daripada perspektif moral.

(20 markah)

2. Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak berkuasa untuk mengurangkan kemalangan di jalan-jalan raya. Namun, jumlah kemalangan di jalan-jalan raya terus meningkat dari tahun ke tahun. Dari kaca mata moral, Pada pandangan anda kenapakah keadaan ini terus berlaku?

(20 markah)

3. Pelbagai masalah sosial yang melanda generasi remaja hari ini berpunca daripada pelbagai kepincangan institusi kekeluargaan. Bincangkan isu ini daripada perspektif moral.

(20 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**